

RAWATAN SPIRITUAL ISLAM (RSI) SEBAGAI PENDEKATAN PEMULIHAN HOLISTIK TERHADAP KOMUNITI *MEN SEX MEN* (*MSM*) DAN BISEKSUAL DI MALAYSIA

Islamic Spiritual Treatment as a Holistic Rehabilitation Approach for the Men Sex Men and Bisexual Community in Malaysia

Mohd Safarudin Bin Rahim^a, *Mustafa Kamal Amat Misra^b, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah^a, Masnih Mustapa^c

^a Universiti Islam Selangor

^bUniversiti Sains Islam Malaysia

^cUniversiti Teknologi Mara

*(Corresponding email): mustafakamal@usim.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.33102/abqari.vol33no1.733>

Submission date: 14/03/2026

Accepted date: 5/05/2026

Published date: 25/05/2026

Abstrak

Kajian ini membincangkan Rawatan Spiritual Islam (RSI) sebagai pendekatan pemulihan holistik terhadap komuniti *Men Sex Men (MSM)* dan biseksual di Malaysia. Fenomena peningkatan isu berkaitan orientasi seksual, tekanan psikologi, stigma sosial serta cabaran spiritual dalam kalangan komuniti ini menuntut satu pendekatan pemulihan yang lebih menyeluruh dan bersepadu. Kajian ini bertujuan menghuraikan konsep RSI, mengenal pasti cabaran utama yang dihadapi oleh komuniti MSM dan biseksual, serta menganalisis bentuk intervensi spiritual Islam yang sesuai dalam proses pemulihan psikospiritual komuniti MSM dan biseksual. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen dan sorotan literatur terhadap kajian-kajian terdahulu berkaitan rawatan spiritual Islam, psikologi Islam, kaunseling spiritual dan kesejahteraan mental komuniti seksual minoriti. Dapatan kajian menunjukkan bahawa RSI mempunyai potensi besar sebagai pendekatan pelengkap yang mengintegrasikan aspek spiritual, emosi, psikologi dan sosial dalam proses pemulihan individu. Antara bentuk intervensi yang dikenal pasti ialah ruqyah syariah, bimbingan kerohanian, terapi psikospiritual Islam, pendidikan agama serta sokongan komuniti yang berasaskan pendekatan dakwah rahmah. Kajian ini turut mendapati bahawa pendekatan yang bersifat empati, tidak menghukum dan berteraskan kasih sayang lebih berkesan dalam membantu komuniti MSM dan biseksual menghadapi konflik identiti, tekanan emosi dan pengasingan sosial. Selain itu, pembangunan modul RSI yang sistematik dan berasaskan bukti dilihat penting bagi memperkukuh keberkesanan intervensi dalam konteks masyarakat Muslim di Malaysia. Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa RSI berpotensi menjadi salah satu model pemulihan holistik yang dapat menyumbang kepada kesejahteraan psikospiritual komuniti MSM dan biseksual serta memperkukuh pendekatan dakwah dan kesihatan mental Islam secara lebih inklusif dan berperikemanusiaan.

Kata kunci: Rawatan Spiritual Islam, RSI, MSM, biseksual, psikospiritual, dakwah rahmah, kesejahteraan mental.

Abstract

This study discusses Islamic Spiritual Treatment (*Rawatan Spiritual Islam RSI*) as a holistic rehabilitation approach for the Men Who Have Sex with Men (MSM) and bisexual community in Malaysia. The increasing issues related to sexual orientation, psychological distress, social stigma, and spiritual challenges among this community necessitate a more comprehensive and integrated rehabilitation approach. This study aims to explain the concept of Islamic Spiritual Treatment (Rawatan Spiritual Islam RSI), identify the major challenges faced by MSM and bisexual individuals, and analyse suitable Islamic spiritual interventions in the psychospiritual recovery process of this community. Employing a qualitative approach, the study utilizes document analysis and literature review of previous studies related to Islamic spiritual treatment, Islamic psychology, spiritual counselling, and the mental well-being of sexual minority communities. The findings indicate that RSI has considerable potential as a complementary approach that integrates spiritual, emotional, psychological, and social dimensions in the rehabilitation process. Among the identified interventions are *ruqyah shar'iyah* (Islamic healing recitation), spiritual guidance, Islamic psychospiritual therapy, religious education, and community support based on the principles of compassionate (*rahmah*) da'wah. The study also reveals that empathetic, non-judgmental, and compassion-oriented approaches are more effective in assisting MSM and bisexual individuals in coping with identity conflicts, emotional distress, and social isolation. Furthermore, the development of a systematic and evidence-based RSI module is considered essential for strengthening the effectiveness of interventions within the context of Muslim society in Malaysia. Overall, this study emphasizes that RSI has the potential to serve as a holistic rehabilitation model that contributes to the psychospiritual well-being of MSM and bisexual individuals while enhancing Islamic approaches to da'wah and mental health in a more inclusive and humane manner.

Keywords: Islamic Spiritual Treatment (*Rawatan Spiritual Islam RSI*), MSM, bisexual, psychospiritual, rahmah da'wah, mental well-being.

PENGENALAN

Fenomena orientasi seksual dalam kalangan komuniti *Men Sex Men (MSM)* dan biseksual semakin mendapat perhatian dalam perbincangan berkaitan kesihatan awam, kesejahteraan mental dan pembangunan sosial di Malaysia. Perubahan gaya hidup masyarakat, pengaruh media sosial serta arus globalisasi dilihat antara faktor yang memberi kesan terhadap pembentukan identiti dan tingkah laku seksual individu. Dalam masa yang sama, peningkatan kes HIV dalam kalangan kumpulan berisiko tinggi turut memberi cabaran kepada sistem kesihatan negara dan masyarakat secara keseluruhannya.

Dalam konteks masyarakat Islam, isu ini sering dikaitkan dengan konflik diri, tekanan emosi serta kesan stigma sosial yang berpanjangan. Sebahagian individu berhadapan dengan rasa bersalah, keresahan dan pengasingan daripada keluarga serta masyarakat sehingga menjejaskan kestabilan emosi dan spiritual mereka. Keadaan ini menunjukkan bahawa proses

pemulihan tidak boleh hanya tertumpu kepada aspek fizikal dan psikologi semata-mata, sebaliknya perlu melibatkan pengukuhan aspek kerohanian secara menyeluruh.

Sehubungan itu, Rawatan Spiritual Islam (RSI) dilihat sebagai salah satu pendekatan yang boleh membantu proses pemulihan secara lebih menyeluruh. Pendekatan ini bukan hanya melibatkan amalan seperti ruqyah, zikir dan doa, tetapi turut menekankan pembinaan akhlak, penyucian jiwa, penghayatan agama serta sokongan komuniti dalam membantu individu mencapai ketenangan dan kesejahteraan hidup berlandaskan ajaran Islam.

TINJAUAN KAJIAN LEPAS

Kajian berkaitan RSI menunjukkan bahawa pendekatan berasaskan al-Quran dan al-Sunnah semakin berkembang sebagai salah satu bentuk rawatan alternatif di Malaysia. Pendekatan ini lazimnya melibatkan amalan seperti ruqyah, zikir, doa dan bimbingan kerohanian yang memberi penekanan kepada keseimbangan aspek fizikal, emosi dan spiritual seseorang individu.

Kajian yang dijalankan oleh (Mohd Muhammad Omar, 2024) di beberapa pusat rawatan Islam termasuk Darussyifa' mendapati bahawa keberkesanan rawatan ruqyah bergantung kepada beberapa faktor penting seperti kaedah pengurusan pesakit, pemantauan secara berterusan serta tahap kefahaman pesakit terhadap masalah yang dihadapi. Kajian tersebut turut menjelaskan bahawa amalan susulan harian seperti zikir, doa dan penjagaan ibadah memainkan peranan besar dalam membantu meningkatkan keberkesanan rawatan spiritual. Selain itu, kajian kes oleh (Norma, 2018) berkaitan rawatan skizofrenia melalui terapi ruqyah di Darussyifa' Kuala Terengganu menunjukkan bahawa rawatan spiritual Islam boleh berfungsi sebagai pelengkap kepada rawatan perubatan moden. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan ruqyah membantu pesakit dari sudut ketenangan emosi dan pengukuhan spiritual, di samping mengambil kira faktor psikologi, sosial dan biologi dalam proses pemulihan.

Di samping itu, kajian oleh (Hudi @ Jahid, 2022) mengenai pembangunan modul refleksologi spiritual Islam menjelaskan bahawa kaedah RSI tidak hanya tertumpu kepada bacaan ruqyah semata-mata. Sebaliknya, rawatan tersebut turut menggabungkan amalan seperti zikir, selawat, doa dan teknik rangsangan pada titik tertentu tubuh badan. Pendekatan yang lebih menyeluruh ini dilihat mampu memberi kesan positif terhadap kesejahteraan fizikal dan spiritual pesakit.

Sementara itu, (Amin, 2022) dalam kajiannya berkaitan terapi air berasaskan sunnah menjelaskan bahawa penggunaan air yang dibacakan ayat-ayat al-Quran merupakan antara amalan yang sering digunakan dalam rawatan spiritual Islam. Walaupun amalan tersebut diterima dalam masyarakat, kajian berkenaan menegaskan bahawa aspek keberkesanan dan kaedah penggunaannya masih memerlukan penelitian yang lebih mendalam dari sudut ilmiah dan empirikal.

Secara keseluruhannya, kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa Rawatan Spiritual Islam mempunyai potensi sebagai pendekatan alternatif dan pelengkap dalam membantu menangani masalah yang berkaitan dengan emosi, psikologi dan kerohanian. Namun begitu, masih terdapat keperluan untuk memperluaskan kajian empirikal serta membangunkan modul rawatan yang lebih tersusun dan sistematik supaya pendekatan ini dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan selaras dengan keperluan semasa.

Kajian berkaitan rawatan spiritual Islam menunjukkan bahawa pendekatan berasaskan al-Quran dan al-Sunnah semakin mendapat perhatian dalam konteks rawatan alternatif di Malaysia. Rawatan ini lazimnya melibatkan amalan seperti ruqyah, zikir, doa serta kaedah terapi yang menekankan keseimbangan antara aspek jasmani, emosi dan rohani.

KONSEP RAWATAN SPIRITUAL ISLAM

Rawatan Spiritual Islam merupakan satu pendekatan rawatan yang berasaskan ajaran al-Quran, al-Sunnah serta panduan ulama dalam membantu individu mencapai ketenangan jiwa dan kesejahteraan hidup. Pendekatan ini melihat manusia sebagai insan yang memiliki hubungan antara jasmani, emosi dan rohani yang saling berkait antara satu sama lain. Oleh itu, proses rawatan tidak hanya tertumpu kepada aspek fizikal semata-mata, tetapi turut mengambil kira keadaan hati, jiwa dan spiritual seseorang individu (Rassool G. H., 2015).

Dalam tradisi Islam, aspek kerohanian mempunyai hubungan yang sangat erat dengan kesejahteraan diri manusia. Konsep tazkiyah al-nafs atau penyucian jiwa merupakan salah satu asas utama dalam pembangunan spiritual insan. Proses ini merangkumi usaha berterusan untuk memperbaiki diri melalui taubat, penghayatan ibadah, pengawalan hawa nafsu, serta pembentukan akhlak yang mulia. Kajian dalam bidang psikologi Islam turut menjelaskan bahawa elemen-elemen seperti penguasaan diri, pengukuhan iman, dan penghayatan nilai spiritual memainkan peranan penting dalam membentuk keseimbangan psikologi individu Muslim (Moten, 2011). Oleh itu, penyucian jiwa dilihat sebagai elemen penting dalam mencapai keseimbangan hidup yang lebih stabil dari sudut emosi, spiritual dan tingkah laku. Selain itu, pendekatan kaunseling Islam turut menekankan bahawa kesejahteraan psikologi tidak boleh dipisahkan daripada aspek keimanan dan amalan spiritual seseorang (Hamdan, 2008).

Selain itu, pendekatan RSI turut menekankan unsur hikmah, kasih sayang dan bimbingan yang berterusan dalam proses pemulihan. Pendekatan yang terlalu keras atau bersifat menghukum boleh menyebabkan individu semakin menjauh daripada masyarakat dan institusi agama. Sehubungan itu, pendekatan dakwah rahmah dilihat lebih sesuai dalam membantu golongan yang berhadapan dengan konflik diri dan tekanan emosi. Pendekatan ini memberi penekanan kepada nilai empati, penghormatan terhadap maruah insan serta bimbingan secara berperingkat agar proses perubahan dapat berlaku dalam suasana yang lebih positif dan terbuka (Badri, 2013). Di samping itu, penghayatan agama dan spiritual juga didapati mempunyai hubungan yang signifikan dengan kesejahteraan mental dan kestabilan emosi seseorang individu (Koenig H. G., 1998).

Rawatan Islam

Rawatan Islam kini bukan lagi merupakan suatu perkara yang asing dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Ia telah berkembang secara meluas melalui peranan para perawat yang mengamalkan kaedah rawatan berasaskan al-Quran, al-Sunnah serta panduan yang diwariskan daripada Rasulullah SAW. Di Malaysia, perkembangan ini dapat dilihat melalui kewujudan pelbagai pusat rawatan Islam yang menawarkan pendekatan rawatan berteraskan syariat dalam usaha menangani pelbagai permasalahan kesihatan sama ada fizikal, emosi mahupun spiritual. Antara pusat rawatan Islam yang terkenal termasuklah Darussyifa' yang menggunakan kaedah Ruqyah Syar'iyah, berteraskan bacaan ayat-ayat suci al-Quran, doa-doa daripada hadis, dan amalan sunnah (Haron Din, 2017, 12 Jun. Asas Pengubatan Darussyifa'. <https://www.darussyifa.org/?p=328>).

Bagi Darussyifa', kaedah Bacaan (Ruqyah) adalah perawat akan membaca surah-surah tertentu (seperti al-Fatihah, ayat Kursi, tiga Qul) serta doa-doa syifa' lalu meniupkannya terus kepada pesakit atau pada air minuman. Bagi rawatan (Air & Minyak) pula, iir kosong atau minyak zaitun/daun bidara didoakan dengan ayat al-Quran untuk diminum, disapukan pada badan, atau dibuat mandi bagi tujuan penawar. Bagi kaedah Solat & Zikir, pesakit sering dibimbing untuk melakukan Solat Hajat, memperbanyakkan Istighfar, dan Zikir bagi mendekatkan diri kepada Allah SWT serta membersihkan rohani. Rawatan-rawatan ini pelbagai jenis penyakit, gangguan mistik (sihir, saka, rasukan), dan penyakit fizikal sebagai pelengkap kepada perubatan moden (Haron Din. 2017, 12 Jun. Asas Pengubatan Darussyifa'. <https://www.darussyifa.org/?p=328>). Begitu juga beberapa institusi lain yang mengintegrasikan pendekatan kerohanian dalam proses rawatan. Secara umumnya, rawatan Islam bukan sekadar berfungsi sebagai usaha penyembuhan penyakit, bahkan turut berperanan dalam memelihara nikmat kesihatan yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia.

Kesihatan dalam perspektif rawatan Islam tidak hanya tertumpu kepada aspek fizikal semata-mata, sebaliknya turut merangkumi dimensi spiritual dan kerohanian. Dari sudut fizikal, rawatan melibatkan usaha mengatasi penyakit seperti luka, patah tulang, kanser dan seumpamanya. Manakala dari aspek spiritual, kesihatan diperkukuhkan melalui amalan zikir, selawat, doa serta pemakanan yang halal dan baik *tayyib*, yang kesemuanya bertujuan mengukuhkan hubungan antara manusia dengan Allah SWT.

Rawatan spiritual Islam merupakan sebahagian daripada amalan kesihatan berasaskan kepercayaan yang telah lama diamalkan dalam tradisi perubatan Islam dan terus berkembang dalam konteks moden. Pendekatan ini tidak hanya tertumpu kepada aspek fizikal, tetapi turut menekankan keseimbangan spiritual dan psikologi pesakit. Di Malaysia, amalan ini sering diaplikasikan sebagai sebahagian daripada perubatan tradisional dan komplementari *Traditional and Complementary Medicine, T&CM* yang digunakan secara integratif bersama perubatan moden bagi meningkatkan kesejahteraan menyeluruh pesakit (Khadijah Hasanah Abang Abdullah S. M., 2016).

Daripada perspektif rawatan Islam, setiap kaedah rawatan perlu berasaskan hukum syarak, sama ada dari segi amalan, bahan mahupun proses pelaksanaannya. Hal ini penting bagi memastikan rawatan yang dijalankan bebas daripada unsur khurafat, syirik dan perkara yang bertentangan dengan akidah Islam. Rawatan Islam juga merangkumi usaha menangani penyakit fizikal, gangguan emosi serta gangguan makhluk halus dengan berpandukan prinsip syariah.

Menurut Ibn Sina, rawatan yang sempurna tidak boleh memisahkan antara aspek spiritual dan ilmu perubatan, sebaliknya kedua-duanya perlu disepadukan bagi memastikan kesejahteraan manusia secara holistik. Beliau menekankan bahawa kesihatan manusia bergantung kepada keseimbangan antara elemen fizikal, mental dan spiritual yang saling mempengaruhi antara satu sama lain. Pandangan ini menunjukkan bahawa pendekatan perubatan Islam bersifat menyeluruh dan menekankan integrasi antara tubuh dan jiwa dalam proses rawatan (Aung, 2017).

Selain itu, Islam turut menekankan aspek pencegahan penyakit melalui pemeliharaan gaya hidup sihat, khususnya dalam aspek pemakanan. Al-Quran dan al-Sunnah banyak menggariskan panduan berkaitan pemakanan halal dan baik, serta larangan terhadap bahan yang memudaratkan seperti arak dan dadah. Malah, terdapat juga anjuran pengambilan

makanan berkhasiat seperti madu, susu, buah-buahan serta air zam-zam yang menjadi sumber kesihatan kepada manusia.

Rawatan Islam merupakan pendekatan kesihatan yang bersifat holistik dan tidak hanya terbatas kepada amalan jampi atau bacaan tertentu semata-mata, sebaliknya merangkumi kaedah rawatan yang selaras dengan prinsip syariat Islam. Sesuatu kaedah rawatan dalam Islam diharuskan selagi tidak bercanggah dengan hukum syarak serta bebas daripada unsur syirik, khurafat dan penyelewengan akidah. Dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia, pendekatan perubatan tradisional dan komplementari turut diamalkan secara meluas, termasuk yang berasaskan spiritual, selagi tidak bercanggah dengan prinsip syariah dan tidak memudaratkan pesakit (Khadijah Hasanah Abang Abdullah S. M., 2016).

Secara keseluruhannya, rawatan Islam merupakan satu bentuk ikhtiar manusia dalam mencari kesembuhan terhadap penyakit fizikal, emosi mahupun spiritual. Ia tidak bertujuan menggantikan perubatan moden seperti alopati atau homeopati, sebaliknya berperanan sebagai kaedah pelengkap *complementary approach* yang menyokong proses rawatan sedia ada. Justeru, pendekatan integratif antara perubatan moden dan rawatan Islam dilihat lebih holistik dalam usaha meningkatkan kesejahteraan insan secara menyeluruh.

Rawatan Moden

Rawatan moden merupakan pendekatan perubatan yang berasaskan kaedah saintifik, bukti empirikal serta penggunaan teknologi dalam proses diagnosis dan rawatan penyakit. Ia berkembang melalui kemajuan bidang bioperubatan yang menekankan kajian klinikal, ujian makmal serta penggunaan ubat-ubatan yang telah melalui proses validasi saintifik. Di Malaysia, rawatan moden dilaksanakan secara sistematik melalui perkhidmatan kesihatan awam dan swasta yang dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia bagi memastikan akses rawatan yang selamat, berkesan dan berkualiti kepada masyarakat.

Antara bentuk rawatan moden yang utama termasuklah rawatan hospital, pembedahan, terapi ubat-ubatan, radioterapi, kemoterapi serta pelbagai kaedah diagnostik seperti ujian makmal, X-ray, CT scan dan MRI. Secara umumnya, rawatan moden berfungsi sebagai sistem perubatan arus perdana yang berasaskan *evidence-based medicine* dalam menentukan diagnosis dan intervensi rawatan terhadap sesuatu penyakit (Trisha Greenhalgh, 2014).

Kesihatan dalam perspektif rawatan moden memberi penekanan kepada aspek biologi dan fisiologi manusia. Fokus utama adalah terhadap fungsi organ, sistem tubuh serta mekanisme patologi yang menyebabkan penyakit. Rawatan moden berusaha merawat penyakit secara langsung melalui intervensi klinikal seperti penggunaan antibiotik untuk jangkitan bakteria, pembedahan untuk kecederaan atau tumor, serta terapi khusus bagi penyakit kronik seperti diabetes, hipertensi dan kanser.

Selain rawatan, sistem perubatan moden turut menekankan aspek pencegahan melalui program kesihatan awam seperti imunisasi, saringan kesihatan, kawalan penyakit berjangkit serta promosi gaya hidup sihat. Pendekatan ini terbukti berkesan dalam mengurangkan kadar morbiditi dan mortaliti dalam kalangan masyarakat global (HWO, 2020). Dari perspektif global, rawatan moden diiktiraf sebagai sistem kesihatan utama (*conventional medicine*) yang berpaksikan kepada bukti saintifik. WHO menegaskan bahawa sistem kesihatan yang berkesan perlu mengintegrasikan perkhidmatan perubatan moden yang berkualiti, selamat dan mudah diakses oleh semua lapisan masyarakat (WHO, 2023).

Selain itu, perkembangan teknologi dalam bidang perubatan seperti kecerdasan buatan (AI), teleperubatan, robotik pembedahan dan genomik telah memperkukuhkan lagi keberkesanan rawatan moden dalam diagnosis awal serta rawatan yang lebih tepat. Perkembangan ini menunjukkan bahawa rawatan moden sentiasa berkembang seiring dengan kemajuan sains dan teknologi bagi meningkatkan kualiti hidup manusia.

Secara keseluruhannya, rawatan moden merupakan sistem perubatan berasaskan sains yang berperanan dalam mendiagnosis, merawat dan mencegah penyakit secara sistematik. Ia menjadi tunjang utama dalam sistem kesihatan global dan terus berkembang melalui inovasi teknologi serta penyelidikan saintifik yang berterusan.

LATAR BELAKANG RAWATAN

Dalam membincangkan pendekatan rawatan dalam konteks kesihatan manusia, terdapat dua aliran utama yang sering menjadi tumpuan iaitu rawatan berasaskan tradisi Islam dan rawatan moden berasaskan sains perubatan. Kedua-dua pendekatan ini berkembang dalam kerangka epistemologi yang berbeza, namun masing-masing memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan kesihatan fizikal, psikologi dan spiritual individu. Oleh itu, pemahaman terhadap kedua-dua latar belakang rawatan ini adalah penting bagi melihat perbezaan, persamaan serta potensi integrasi antara pendekatan spiritual Islam dan perubatan moden dalam konteks rawatan yang lebih holistik.

Latar Belakang Rawatan Islam

Rawatan Islam merujuk kepada pendekatan penyembuhan yang berasaskan sumber utama syariat Islam iaitu al-Quran dan al-Sunnah, di samping amalan spiritual yang sah. Pendekatan ini menekankan konsep tauhid, iaitu keyakinan bahawa kesembuhan hakiki datang sepenuhnya daripada Allah SWT, manakala usaha rawatan merupakan bentuk ikhtiar manusia dalam mencari penawar. Antara kaedah yang digunakan termasuklah bacaan ayat-ayat al-Quran ruqyah *syar'iyah*, doa, zikir, serta penggunaan bahan yang disebut dalam nas seperti madu, habbatus sauda' dan air zamzam (Mohd Amin, J., Ismail, M., & Fathil, F, 2025: 34-41).

Rawatan Islam bukan sahaja memberi tumpuan kepada aspek fizikal, tetapi turut merangkumi dimensi rohani, emosi dan spiritual melalui proses penyucian jiwa serta pengukuhan hubungan dengan Allah SWT. Dalam konteks kesihatan mental dan spiritual, pendekatan ini dilihat sebagai pelengkap kepada perubatan moden kerana ia menekankan keseimbangan antara rawatan fizikal dan ketenangan dalaman individu. Kajian dalam bidang psikologi Islam juga menunjukkan bahawa pendekatan berasaskan spiritual mempunyai kesan positif terhadap kesejahteraan psikologi dan daya tahan emosi individu Muslim (Rassool G. H., 2015).

Latar Belakang Rawatan Moden

Rawatan moden merujuk kepada sistem perubatan yang berasaskan bukti saintifik *evidence-based medicine* yang diamalkan secara meluas di hospital dan klinik di seluruh dunia. Pendekatan ini melibatkan penggunaan ubat-ubatan, prosedur pembedahan, teknologi perubatan serta intervensi psikologi yang telah diuji melalui kajian klinikal yang sistematik dan berstandard tinggi (Guyatt, G. Et al, 2019).

Pendekatan ini memberi penekanan kepada proses diagnosis yang tepat, rawatan yang berasaskan simptom serta strategi pencegahan penyakit yang disokong oleh data saintifik. Di samping itu, rawatan moden terus berkembang melalui penyelidikan bioperubatan yang

berterusan bagi meningkatkan keberkesanan rawatan, keselamatan pesakit serta kualiti penjagaan kesihatan secara keseluruhan (Dzau, V. J , 2017).

Menurut *World Health Organization (WHO)*, sistem kesihatan moden memainkan peranan penting dalam menangani penyakit tidak berjangkit *non-communicable diseases* serta meningkatkan kualiti hidup masyarakat melalui intervensi perubatan yang berkesan (WHO, 2020). Selain itu, WHO turut mengiktiraf kewujudan perubatan tradisional dan komplementari yang semakin digunakan di peringkat global sebagai pelengkap kepada sistem perubatan moden dalam usaha memperkukuh penjagaan kesihatan holistik (WHO, 2023).

CABARAN KOMUNITI MEN SEX MEN DAN BISEKSUAL

Komuniti lelaki yang mempunyai hubungan seksual dengan lelaki MSM serta individu biseksual berhadapan dengan pelbagai cabaran yang bersifat kompleks dan pelbagai dimensi, merangkumi aspek psikologi, sosial dan spiritual. Cabaran ini bukan sahaja memberi kesan kepada kesejahteraan mental individu, malah turut mempengaruhi hubungan sosial, fungsi keluarga serta kestabilan spiritual mereka dalam jangka masa panjang. Antara cabaran utama yang sering dibincangkan dalam literatur ialah stigma sosial yang kuat dalam masyarakat, di mana individu dalam komuniti ini sering dilabel secara negatif, disisihkan, serta tidak diberikan ruang sokongan yang selamat untuk mendapatkan bantuan psikososial yang sewajarnya (Meyer, I. H, 2003).

Selain itu, kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa sebahagian individu MSM dan biseksual turut mengalami konflik identiti yang berpanjangan, khususnya apabila terdapat percanggahan antara orientasi seksual, nilai peribadi, norma budaya dan pegangan agama. Konflik ini sering membawa kepada tekanan emosi yang signifikan seperti rasa bersalah, malu, rendah diri, kebimbangan, serta simptom kemurungan. Keadaan ini menjadi lebih rumit apabila individu tersebut menghadapi ketakutan terhadap penolakan keluarga, kehilangan sokongan sosial, serta tekanan daripada persekitaran masyarakat yang konservatif, sekali gus menyebabkan sebahagian mereka memilih untuk menyembunyikan identiti diri atau menarik diri daripada interaksi sosial dan institusi keagamaan (Michael P. Marshal, 2011).

Dalam konteks intervensi berasaskan pendekatan spiritual dan kaunseling Islam, beberapa cabaran turut dikenal pasti yang boleh mempengaruhi keberkesanan proses pemulihan. Antaranya ialah ketakutan terhadap pendekatan rawatan yang dianggap terlalu menghukum atau kurang empati, yang boleh menyebabkan individu merasa terancam dan enggan mendapatkan bantuan. Selain itu, terdapat juga kekurangan kefahaman dalam kalangan masyarakat dan sesetengah pengamal tentang konsep pemulihan dalam Islam yang menekankan aspek rahmah, tazkiyah al-nafs dan perubahan berperingkat. Tambahan pula, pengalaman trauma masa lalu yang berkaitan dengan keluarga, persekitaran sosial atau institusi tertentu boleh menjadi penghalang kepada proses pemulihan psikospiritual yang berkesan. Di samping itu, kelemahan sistem sokongan susulan selepas intervensi serta kekurangan modul RSI yang khusus, sistematik dan berasaskan bukti turut menjadi cabaran utama dalam pelaksanaan pendekatan ini secara lebih menyeluruh.

Selain faktor dalaman individu, faktor persekitaran sosial juga memainkan peranan penting dalam membentuk corak tingkah laku dan kestabilan psikologi komuniti ini. Pengaruh rakan sebaya, perubahan gaya hidup akibat urbanisasi, serta perkembangan teknologi digital seperti penggunaan aplikasi media sosial dan platform perhubungan moden didapati turut menyumbang kepada pengukuhan corak interaksi sosial tertentu yang boleh menyukarkan

proses perubahan tingkah laku. Dalam sesetengah keadaan, faktor ini bukan sahaja mengekalkan tingkah laku sedia ada, malah turut mengurangkan motivasi individu untuk terlibat dalam proses pemulihan atau perubahan diri yang lebih positif dari sudut psikospiritual (Pachankis J. E., 2020).

BENTUK RAWATAN SPIRITUAL ISLAM YANG SESUAI

Kajian mendapati bahawa pendekatan RSI yang berkesan perlu dilaksanakan secara menyeluruh dan berperingkat mengikut keperluan MSM. Antara bentuk rawatan yang sesuai ialah:

Ruqyah Syari'ah

Ruqyah syari'ah merupakan salah satu komponen asas dalam pendekatan RSI yang berlandaskan sumber utama syariat Islam. Pendekatan ini dilaksanakan melalui bacaan ayat-ayat al-Quran, doa-doa *ma'thur* serta zikir yang diamalkan oleh Rasulullah SAW sebagai medium rawatan spiritual. Selain berfungsi sebagai kaedah rawatan terhadap gangguan rohani, ruqyah syari'ah juga memainkan peranan penting dalam menenangkan emosi, mengurangkan tekanan psikologi serta mengukuhkan ketenangan jiwa MSM. Dalam masa yang sama, amalan ini turut memperkukuh hubungan spiritual seseorang hamba dengan Allah SWT melalui penghayatan tauhid, pergantungan penuh kepada-Nya, serta keyakinan terhadap kesembuhan yang datang daripada Allah SWT. Oleh itu, ruqyah syari'ah dilihat bukan sekadar intervensi rawatan, tetapi juga sebagai pendekatan holistik yang mengintegrasikan aspek spiritual, emosi dan psikologi dalam kehidupan manusia (Hassan, 2017).

Bimbingan Kerohanian

Bimbingan kerohanian merupakan satu proses pembangunan spiritual yang dilaksanakan secara berperingkat melalui penghayatan amalan ibadah seperti solat, zikir, tadabbur al-Quran, taubat serta pengukuhan akidah. Pendekatan ini bertujuan untuk membantu individu memperkukuh hubungan spiritual dengan Allah SWT, di samping membentuk kesedaran diri yang lebih mendalam terhadap tujuan kehidupan sebagai hamba dan khalifah Allah. Melalui proses ini, keseimbangan antara aspek spiritual, emosi dan tingkah laku dapat dibina secara lebih menyeluruh dalam kehidupan individu Muslim. Ini turun disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Noor Hafizah Mohd Haridi (2019: 87-98) yang mendapati bimbingan kerohanian ialah pendekatan pembangunan spiritual berperingkat yang memfokuskan kepada penyucian jiwa dan pengukuhan akidah. Ia memanfaatkan ibadah seperti solat, zikir, tadabbur al-Quran, dan taubat. penyucian jiwa (Tazkiyatun Nafs) berpandukan sumber asal tauhid dan tasawuf.

Kajian-kajian dalam bidang kaunseling Islam dan psikologi agama turut menunjukkan bahawa amalan spiritual yang konsisten mempunyai hubungan yang signifikan dengan peningkatan kesejahteraan psikologi, ketenangan emosi serta daya tahan diri dalam menghadapi tekanan kehidupan (Rassool G. H., 2015).

Terapi Psikospiritual Islam

Terapi psikospiritual Islam merupakan pendekatan intervensi yang mengintegrasikan elemen psikologi moden dan prinsip kerohanian Islam dalam membantu individu menangani tekanan emosi, trauma serta konflik identiti. Pendekatan ini semakin berkembang dalam bidang kaunseling Islam kontemporari kerana ia menekankan keseimbangan antara aspek mental, emosi dan spiritual sebagai asas kepada kesejahteraan diri (Guro, 2025).

Pelaksanaan terapi ini boleh dilakukan melalui pelbagai kaedah seperti sesi kaunseling spiritual, intervensi emosi berasaskan nilai Islam, latihan refleksi diri *muhasabah*, serta pengukuhan motivasi dalaman melalui konsep sabar, tawakkal dan zikir. Kajian terkini menunjukkan bahawa pendekatan psikospiritual Islam yang menggabungkan elemen agama dan psikologi berasaskan bukti mampu meningkatkan kesejahteraan mental, daya tahan emosi serta kestabilan psikologi individu Muslim (Guro, 2025).

Sokongan Komuniti

Sokongan komuniti merupakan faktor penting dalam memastikan proses pemulihan melalui RSI dapat diteruskan secara konsisten dan berkesan. Individu yang menjalani intervensi ini memerlukan persekitaran sosial yang bersifat empati, tidak menghukum serta memberikan sokongan psikososial yang positif bagi menggalakkan perubahan tingkah laku yang berpanjangan.

Dalam konteks ini, sokongan daripada ahli keluarga, institusi keagamaan, pertubuhan bukan kerajaan NGO serta rakan komuniti memainkan peranan yang signifikan dalam membantu individu mengekalkan perubahan diri dan mencapai tahap istiqamah selepas menjalani proses rawatan. Kajian terkini menunjukkan bahawa sokongan sosial yang kukuh dapat meningkatkan daya tahan psikologi, mengurangkan tekanan emosi serta memperkukuh kesejahteraan psikospiritual individu dalam proses pemulihan (Handayani, 2023).

ELEMEN UTAMA DALAM PEMBANGUNAN RSI

Pembangunan kerangka RSI memerlukan beberapa elemen utama bagi memastikan keberkesanan intervensi terhadap komuniti sasaran secara menyeluruh dan bersepadu. Elemen-elemen tersebut merangkumi aspek pengukuhan akidah, pembangunan spiritual, sokongan psikologi, kaunseling serta bimbingan sosial yang mampu membantu individu mencapai perubahan tingkah laku dan kesejahteraan diri. Menurut (Don, 2012) dalam Psikologi Dakwah, pendekatan intervensi yang menggabungkan elemen psikologi dan kerohanian dapat meningkatkan keberkesanan proses pemulihan dan pembangunan sahsiah individu. Selain itu, (Shihab, 2002) dalam Tafsir al-Misbah turut menegaskan bahawa pembangunan insan yang seimbang perlu melibatkan aspek rohani, emosi dan sosial secara holistik.

Di samping itu, pembangunan kerangka RSI juga memerlukan pendekatan yang sistematik, inklusif dan berteraskan nilai hikmah agar pelaksanaannya dapat diterima oleh komuniti sasaran. Pendekatan yang berasaskan kasih sayang, empati dan bimbingan berterusan mampu membantu individu membina keyakinan diri serta meningkatkan motivasi untuk berubah ke arah kehidupan yang lebih positif. Hal ini selaras dengan pandangan (Koenig, H. G, 2012) yang menyatakan bahawa elemen spiritual dan sokongan sosial memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesejahteraan psikologi individu. Kajian yang diterbitkan dalam *Journal of Religion and Health* juga menunjukkan bahawa pendekatan intervensi yang mengintegrasikan aspek spiritual, emosi dan sosial mampu memberi kesan positif terhadap kesihatan mental dan pembangunan diri individu.

Elemen Keimanan dan Keinsafan

Elemen ini menekankan pembinaan hubungan yang kukuh dengan Allah SWT melalui penghayatan ibadah, amalan taubat dan pengukuhan akidah Islam. Dalam perspektif Islam, penghayatan spiritual yang berterusan mampu membentuk ketenangan jiwa serta memperkukuh kekuatan dalaman individu dalam menghadapi cabaran kehidupan. Menurut (al-Ghazali, 2015) Ihya' 'Ulum al-Din, proses penyucian jiwa melalui ibadah dan taubat

berperanan penting dalam membentuk akhlak serta memperbaiki keadaan rohani manusia. Selain itu, (Shihab, 2002) dalam Tafsir al-Misbah menjelaskan bahawa kekuatan akidah dan hubungan spiritual dengan Allah SWT menjadi asas kepada pembentukan peribadi yang seimbang dan harmonis.

Kesedaran spiritual juga menjadi faktor penting dalam proses perubahan dalaman individu kerana ia mampu mempengaruhi pemikiran, emosi dan tingkah laku secara positif. Hal ini selaras dengan pandangan (Don, 2012) dalam Psikologi Dakwah yang menyatakan bahawa pendekatan kerohanian dan pengukuhan nilai agama dapat membantu individu mencapai perubahan diri yang lebih baik. Di samping itu, pelbagai kajian yang diterbitkan dalam *Journal of Religion and Health* turut menunjukkan bahawa tahap spiritualiti yang tinggi mempunyai hubungan signifikan dengan kesejahteraan psikologi, ketahanan diri dan proses pemulihan tingkah laku individu.

Elemen Kaunseling Spiritual

Kaunseling spiritual berfungsi membantu individu memahami konflik emosi dan spiritual secara lebih mendalam melalui pendekatan yang berasaskan nilai keagamaan dan pembangunan rohani. Pendekatan ini dapat membantu individu mengenal pasti punca kekeliruan emosi, meningkatkan kesedaran diri serta membina hubungan yang lebih dekat dengan Allah SWT. Menurut (Don, 2012) dalam Psikologi Dakwah, pendekatan kaunseling yang mengintegrasikan elemen spiritual mampu memberi kesan positif terhadap kesejahteraan emosi dan perubahan tingkah laku individu. Selain itu, (al-Ghazali, 2015) dalam Ihya' 'Ulum al-Din turut menekankan kepentingan penyucian jiwa dan penghayatan kerohanian sebagai asas dalam proses pemulihan diri manusia.

Pelaksanaan kaunseling spiritual juga perlu dilakukan secara profesional, empatik dan berhikmah agar individu berasa dihargai, difahami dan tidak dipinggirkan. Pendekatan yang penuh hikmah mampu mewujudkan suasana kaunseling yang kondusif serta membantu individu menerima bimbingan dengan lebih terbuka. Hal ini selaras dengan pandangan (Shihab, 2002) dalam Tafsir al-Misbah yang menjelaskan bahawa pendekatan dakwah dan bimbingan yang berteraskan hikmah, kasih sayang dan kebijaksanaan mampu memberi kesan yang lebih mendalam terhadap pembentukan sahsiah individu. Di samping itu, kajian yang diterbitkan dalam *Journal of Religion and Health* menunjukkan bahawa sokongan spiritual dan emosi yang diberikan secara empatik dapat meningkatkan kesejahteraan psikologi serta membantu individu menangani tekanan hidup dengan lebih baik.

Elemen Psikospiritual

Pendekatan psikospiritual membantu individu mencapai keseimbangan antara aspek emosi, pemikiran dan spiritual dalam kehidupan seharian. Pendekatan ini menekankan penggabungan elemen psikologi dan kerohanian bagi membantu individu memahami diri, mengawal emosi serta memperkukuh hubungan dengan Allah SWT. Menurut (Don, 2012) dalam Psikologi Dakwah, penghayatan nilai spiritual dalam proses bimbingan dan pemulihan mampu memberi kesan positif terhadap pembentukan personaliti dan kestabilan emosi individu. Selain itu, (al-Ghazali, 2015) dalam Ihya' 'Ulum al-Din turut menegaskan bahawa keseimbangan rohani dan pengawalan nafsu memainkan peranan penting dalam mencapai ketenangan jiwa dan kesejahteraan hidup.

Pendekatan psikospiritual juga berupaya membantu mengurangkan tekanan mental serta meningkatkan kesejahteraan diri individu secara menyeluruh. Pengukuhan spiritual dapat membantu individu membina daya tahan diri, mengurus tekanan dan menghadapi konflik

kehidupan dengan lebih positif. Hal ini selaras dengan kajian (Koenig H. G., 2012) yang menunjukkan bahawa penglibatan dalam aktiviti keagamaan dan spiritual mempunyai hubungan signifikan dengan tahap kesihatan mental dan kesejahteraan psikologi yang lebih baik. Di samping itu, pelbagai kajian yang diterbitkan dalam *Journal of Religion and Health* turut mendapati bahawa pendekatan spiritual mampu membantu individu mengurangkan kebimbangan, tekanan emosi dan meningkatkan kualiti kehidupan secara holistik.

Elemen Pendidikan Agama

Pendidikan agama yang bersifat praktikal, mudah difahami dan relevan dengan kehidupan seharian amat penting dalam membimbing individu memahami konsep fitrah manusia, pembentukan akhlak serta cara hidup Islam secara menyeluruh (Bustam, 2023). Pendekatan ini tidak hanya menekankan aspek teori semata-mata, tetapi turut memberi penekanan kepada aplikasi nilai-nilai Islam dalam kehidupan harian seperti ibadah, hubungan sosial dan pengurusan diri.

Melalui pendekatan yang lebih kontekstual dan berperingkat, individu dapat menghayati ajaran Islam dengan lebih berkesan serta membentuk kefahaman yang seimbang antara aspek spiritual, emosi dan tingkah laku. Hal ini seterusnya membantu memperkukuh jati diri Muslim yang berteraskan nilai tauhid, akhlak mulia dan kesedaran terhadap tanggungjawab sebagai hamba Allah SWT (Khairunnisa, 2023).

Elemen Sokongan Sosial

Sokongan sosial yang positif memainkan peranan penting dalam membantu individu membina semula keyakinan diri serta mengukuhkan motivasi untuk mengekalkan perubahan tingkah laku yang lebih baik. Persekitaran sosial yang menyokong juga didapati dapat mengurangkan risiko relaps serta meningkatkan kesejahteraan psikologi dan emosi individu dalam proses pemulihan (Shinar, 2000).

Sehubungan itu, pembangunan komuniti sokongan yang sistematik dan berstruktur perlu dijadikan sebahagian daripada model Rawatan Spiritual Islam (RSI) bagi memastikan keberkesanan proses pemulihan dapat dikekalkan dalam jangka masa panjang melalui penglibatan keluarga, institusi agama dan jaringan sosial yang positif (Young, 2021).

PENDEKATAN DAKWAH RAHMAH DALAM RSI

Pendekatan dakwah rahmah merupakan asas penting dalam pembangunan Rawatan Spiritual Islam (RSI), khususnya dalam konteks intervensi terhadap komuniti MSM dan biseksual. Pendekatan ini menekankan penyampaian dakwah yang bersifat lembut, berhikmah serta berasaskan kasih sayang rahmah, tanpa unsur penghinaan, paksaan atau stigma yang boleh menjejaskan maruah insan. Pendekatan ini selari dengan prinsip dakwah Islam yang menekankan kebijaksanaan *hikmah* dan komunikasi yang beretika dalam membimbing masyarakat ke arah kebaikan (Depi Putri, 2025).

Pendekatan ini amat penting kerana sebahagian individu dalam komuniti marginal berkemungkinan telah mengalami trauma sosial dan emosi akibat diskriminasi serta penolakan masyarakat. Oleh itu, proses pemulihan perlu dimulakan dengan pembinaan kepercayaan, penerimaan secara berhemah serta penghormatan terhadap maruah manusia sebagai asas utama intervensi. Kajian kontemporari turut menunjukkan bahawa pendekatan dakwah yang

berasaskan empati, dialog dan kesejahteraan manusia lebih berkesan dalam membina hubungan dan menggalakkan perubahan tingkah laku secara berperingkat (Farooq, 2025).

Dalam Islam, dakwah bukan sekadar mengajak kepada perubahan tingkah laku, tetapi juga bertujuan membimbing manusia ke arah kesejahteraan hidup yang menyeluruh merangkumi aspek spiritual, emosi dan sosial. Justeru, pelaksanaan RSI perlu mengambil kira realiti kehidupan individu serta keperluan psikososial mereka agar pendekatan yang digunakan lebih holistik, berperikemanusiaan dan berkesan dalam konteks pemulihan jangka panjang (Riyadi, 2023).

IMPLIKASI RSI TERHADAP KOMUNITI MEN SEX MEN (MSM) DAN BISEKSUAL DI MALAYSIA

Pembangunan Rawatan Spiritual Islam (RSI) mempunyai implikasi yang signifikan terhadap institusi agama, institusi kesihatan serta masyarakat secara keseluruhan. RSI berpotensi untuk dijadikan sebagai salah satu model intervensi alternatif dalam menangani isu kesihatan mental, tekanan emosi serta konflik identiti dalam kalangan masyarakat Muslim melalui pendekatan yang menggabungkan elemen spiritual, psikologi dan sosial secara holistik. Pendekatan integratif seperti ini selari dengan pandangan bahawa kesejahteraan manusia merangkumi dimensi fizikal, mental, sosial dan spiritual yang saling berkait (Khatijah Othman, 2025).

Selain itu, RSI juga dapat membantu institusi agama dalam memperkukuh pendekatan dakwah yang lebih inklusif, berempati dan berasaskan kesejahteraan insan. Pendekatan ini berpotensi mengurangkan stigma sosial serta meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap kepentingan sokongan psikospiritual dalam proses pemulihan dan pembangunan diri. Kajian kontemporari turut menunjukkan bahawa integrasi elemen spiritual dalam intervensi kesihatan mental mampu meningkatkan penerimaan klien serta keberkesanan rawatan dalam konteks masyarakat Muslim (Christina M. Puchalski, 2014). Bagi institusi kesihatan pula, RSI boleh diintegrasikan sebagai rawatan pelengkap *complementary approach* kepada perubatan moden dalam usaha membantu pesakit mencapai kesejahteraan emosi, mental dan spiritual secara lebih menyeluruh. Pendekatan ini juga selari dengan perkembangan semasa dalam bidang kesihatan global yang semakin mengiktiraf kepentingan spiritual care dalam sistem penjagaan kesihatan moden (WHO, 2023).

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, RSI merupakan satu pendekatan pemulihan yang berpotensi besar dalam membantu menangani cabaran psikologi, emosi dan spiritual yang dihadapi oleh komuniti MSM dan biseksual di Malaysia. Pendekatan ini tidak hanya memberi fokus kepada perubahan tingkah laku semata-mata, bahkan turut menekankan aspek pembangunan jiwa, pengukuhan akidah, kesejahteraan mental serta pembinaan hubungan yang lebih baik antara individu dengan Allah SWT dan masyarakat.

Kajian ini mendapati bahawa komuniti MSM dan biseksual sering berhadapan dengan pelbagai tekanan seperti stigma sosial, konflik identiti, diskriminasi, trauma emosi serta pengasingan daripada keluarga dan institusi masyarakat. Keadaan ini memberi kesan yang signifikan terhadap kestabilan psikologi dan kesejahteraan spiritual individu. Oleh itu, pendekatan pemulihan yang terlalu menghukum atau bersifat eksklusif dilihat kurang berkesan dan boleh menyebabkan individu semakin menjauh daripada proses perubahan diri serta institusi agama.

Sehubungan itu, pendekatan RSI yang berasaskan konsep dakwah rahmah, kasih sayang, empati dan hikmah dilihat lebih sesuai dalam konteks pemulihan holistik. Pelaksanaan intervensi seperti ruqyah syari'ah, bimbingan kerohanian, terapi psikospiritual Islam, pendidikan agama dan sokongan komuniti dapat membantu komuniti MSM dalam membina semula keseimbangan emosi, spiritual dan sosial secara lebih berperingkat dan berkesan. Selain itu, integrasi antara rawatan spiritual Islam dan rawatan moden juga penting bagi memastikan proses pemulihan yang lebih menyeluruh serta selari dengan keperluan semasa komuniti MSM.

Kajian ini turut menekankan kepentingan pembangunan modul RSI yang lebih sistematik, profesional dan berasaskan bukti empirikal agar pendekatan ini dapat diaplikasikan secara lebih berkesan dalam institusi agama, kesihatan dan komuniti. Di samping itu, latihan kepada pengamal RSI, kaunselor dan institusi dakwah juga perlu diperkukuhkan supaya proses intervensi dapat dilaksanakan secara lebih berhikmah, beretika dan sensitif terhadap latar belakang individu.

Akhir sekali, RSI bukan sahaja berfungsi sebagai medium rawatan spiritual, tetapi juga sebagai pendekatan pembangunan insan yang menekankan kesejahteraan hidup secara menyeluruh merangkumi aspek fizikal, emosi, mental dan rohani. Oleh itu, pembangunan RSI yang holistik dan inklusif berpotensi menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang lebih sejahtera, berempati dan berteraskan nilai rahmah dalam mendepani cabaran sosial kontemporari.

RUJUKAN

- Al-Ghazali, A. H. 2015. *Ihya' 'Ulum Al-Din* (Revival of The Religious Sciences). Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Amin, N. 2022. Terapi Air Dingin Sebagai Ikhtiar Penyembuhan Masalah Kerohanian Menurut Perspektif Sunnah. *Ma'ālim al-Qur'ān Wa Al-Sunnah*.
- Aung, S. K. 2017. Spirituality In Medical Acupuncture. *OBM Integrative and Complementary Medicine*, 2(3), 003.
- Badri, M. O. 2013. *Contemplation: An Islamic Psychospiritual Study*. International Institute of Islamic Thought.
- Bustam, I. K. 2023. Dimensi Fitrah Dan Relevansinya Dalam Pendidikan Agama Islam Berbasis Konsep Merdeka Belajar. *Ta'dibuna: Jurnal Pendidikan Islam*, 12(2), 121–133.
- Christina M. Puchalski, R. V. 2014. Improving The Spiritual Dimension of Whole Person Care: Reaching National and International Consensus. *Journal of Palliative Medicine*, 17(6), 642–656.
- Depi Putri, E. P. 2025. The Role and Da'wah Strategies of Islamic Religious Counselors in Enhancing Religiosity. *Ilmu Dakwah: Academic Journal for Homiletic Studies*, 18(2), 413–438.
- Don, A. G. 2012. *Psikologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Dzau, V. J., McClellan, M. B., & Burke, S. P. 2017. Vital directions for health and health care: Priorities from a National Academy of Medicine initiative. *JAMA*, 317(14), 1461–1470. <https://doi.org/10.1001/jama.2017.1964>
- Farooq, H. S. 2025. Strategic Dakwah and The Theology of Peace: A Critical Discourse Analysis of Muslim Responses to Conflict. *ISDAR: Journal Of Islamic Dakwah and Research*, 1(1), 81-94.

- Guro, A. G. 2025. Integrating Islamic Spirituality into Mental Health Counseling: A Culturally Responsive Strategy for Muslim Clients. *Cognizance Journal of Multidisciplinary Studies*, 5(3), 507–517.
- Guyatt, G., Cairns, J., Churchill, D., Cook, D., Haynes, B., Hirsh, J., Irvine, J., Levine, M., Levine, M., Nishikawa, J., Sackett, D., Brill-Edwards, P., Gerstein, H., Gibson, J., Jaeschke, R., Kerigan, A., Neville, A., Panju, A., Detsky, A., ... Tugwell, P. 1992. Evidence-based medicine: A new approach to teaching the practice of medicine. *JAMA*, 268(17), 2420–2425. <https://doi.org/10.1001/jama.1992.03490170092032>
- Hamdan, A. 2008. Cognitive Restructuring: An Islamic Perspective. *Journal Of Muslim Mental Health*, 3(1), 99–116.
- Handayani, D. M. 2023. Islamic Psychotherapy in Enhancing Spiritual Well-Being in Addiction Recovery. *Indonesian Journal of Islamic Counseling*, 6(2), 99–114.
- Haron Din. 2017, 12 Jun. Asas Pengubatan Darussyifa'. <https://www.darussyifa.org/?p=328>.
- Hassan, N. H. 2017. Islamic Psychotherapy and Ruqyah Therapy in Managing Spiritual and Psychological Disorders: A Conceptual Review. *Journal Of Religion and Health*, 56(5), 1–14.
- Hudi@Jahid, H. S. 2022. *Pembinaan Modul Kaedah Rawatan Refleksologi Spiritual Islam (RSI) Dan Penilaian Keberkesanannya*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Pahang: Universiti Malaysia Pahang.
- Khadijah Hasanah Abang Abdullah, S. M. 2016. Eeking Help at an Islamic Spiritual Healing Centre: Malaysia's Perspective. *Mental Health, Religion & Culture*, 19(1), 1–15.
- Khadijah Hasanah Abang Abdullah, S. M. 2016. Seeking Help at an Islamic Spiritual Healing Centre: Malaysia's Perspective. *Mental Health, Religion & Culture*, 19(7), 742–751.
- Khairunnisa, I. K. 2023. Dimensi Fitrah Dan Relevansinya Dalam Pendidikan Agama Islam Berbasis Konsep Merdeka Belajar. *Ta'dibuna: Jurnal Pendidikan Islam*, 12(2), 211–225.
- Khatijah Othman, M. B. 2025. Islamic Psychospiritual Contribution to Mental Health and Well-Being. *Journal Of Posthumanism*, 5(7).
- Koenig, H. G. 1998. *Handbook Of Religion and Mental Health*. Academic Press.
- Koenig, H. G. 2012. *Religion, Spirituality, And Health: Research and Clinical Implications*. ISRN Psychiatry, 2012, 1–33.
- Meyer, I. H. 2003. Prejudice, Social Stress, and Mental Health in Lesbian, Gay, And Bisexual Populations: Conceptual Issues and Research Evidence. *Psychological Bulletin*, 129(5), 674–697.
- Michael P. Marshal, L. J. 2011. Suicidality And Depression Disparities Between Sexual Minority and Heterosexual Youth: A Meta-Analytic Review. *Journal Of Adolescent Health*, 49(2), 115–123.
- Mohd Amin, J., Ismail, M., & Fathil, F. 2025. Aspek kearifan lokal bahan alami dalam terapi ruqyah di Malaysia: Satu analisis syariah dan budaya. *Islamic Journal of Cultural Studies (IJCS)*, 1(1), 34-48.
- Mohd Muhammad Omar, M. A. 2024. Factors Affecting The Effectiveness of Ruqyah Treatment Among Muslim Community in Malaysia. *Journal Of Spirituality in Mental Health*.
- Moten, A. R. 2011. *Psychology from The Islamic Perspective*. Malaysia: IIUM Press.
- Norma, S. H. 2018. *Rawatan Skizofrenia Melalui Terapi Ruqyah Di Darussyifa' Kuala Terengganu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pachankis, J. E. 2020. *The Influence of Digital Media and Social Environments on Sexual Minority Mental Health*. *Current Opinion in Psychology*, 36, 1–6.
- Rassool, G. H. 2015. *Islamic Counselling: An Introduction to Theory and Practice*. Routledge.

- Riyadi, M. I. 2023. Concepts and Principles of Da'wah in The Frame of Islamic Community Development. *Prosperity: Journal Of Society and Empowerment*, 3(1), 30–42.
- Shihab, M. Q. 2002. *Tafsir Al-Misbah: Pesan, Kesan Dan Keserasian Al-Qur'an*. Jakarta: Lentera Hati.
- Shinar, T. A. 2000. *Measuring Perceived and Received Social Support*. In S. Cohen, L. G. Underwood, & B. H. Gottlieb (Eds.), *Social Support Measurement and Intervention: A Guide for Health and Social Scientists* (Pp. 86–135). Oxford University.
- Trisha Greenhalgh, J. H. 2014. *Vidence Based Medicine: A Movement in Crisis?* *The bmj*, 348, G3725.
- WHO. 2020. Noncommunicable Diseases Progress Monitor 2020. *World Health Organization*.
- WHO. 2023. Global Report on Traditional and Complementary Medicine 2023. *Geneva: World Health Organization*.
- Young, A. T. 2021. Muslims And Mental Health Services: A Concept Map and Theoretical Framework. *Journal Of Religion and Health*, 61, 23–63.